



14 AUG, 2025

MAG beli Boeing bukan kerana tarif



Kosmo, Malaysia

MAG beli Boeing bukan kerana tarif

- Pengumuman dibuat pada Mac
- Tidak beri impak pada kerajaan

PETALING JAYA — Komitmen pembelian barang Amerika Syarikat (AS) bernilai lebih RM1 trilion oleh Malaysia bukanlah disebabkan rundingan untuk pengurangan tarif, sebaliknya merupakan keputusan perniagaan yang perlu dan telah pun dibuat lebih awal.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata, bagi pembelian pesawat Boeing oleh Malaysia Aviation Group (MAG) misalkan, ia telah diumumkan pada Mac, sedangkan tarif timbal balas AS mula-mula diumumkan Presiden Donald Trump pada April.

"Ia sesuatu yang dirancang MAG untuk tempoh berbulan lamanya, malah (mungkin) bertahun. Sama ada tarif wujud atau tidak, ia dibuat atas pertimbangan perniagaan, angka pelangcongan meningkat pasca Covid 19 dan mereka perlu bersaing dengan Air Asia, Batik Air dan



TENGKU ZAFRUL (kanan) menjawab pertanyaan peserta dalam sesi soal jawab program Persidangan Polisi Awam anjuran ISIS Malaysia yang diadakan baru-baru ini.

Singapore Airlines.

"Kedua, kami berhubung dengan semua Dewan Perniagaan AS dan bertanya kepada syarikat AS yang berpangkalan di Malaysia apa bajet mereka tahun depan dan berapa banyak pembelian yang diperlukan dari AS? Sekali lagi, ini semua tidak memberi impak kepada kerajaan,

wang pembayar cukai.

"Kami ke Khazanah, KWSP, untuk bertanya kepada syarikat pelaburan mereka, apakah pelan menuju ke hadapan yang melibatkan pemerolehan dengan syarikat AS? Jadi TNB menyatakan mereka (akan) beli ini, Telekom beli itu dan Petronas beli gas asli cecair. Ia sesuatu yang

mereka akan lakukan meskipun tiada tarif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan peserta pada program Persidangan Polisi Awam anjuran ISIS Malaysia di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

MCA Pulau Pinang antara yang melahirkan kebimbangan terhadap komitmen kerajaan

untuk melabur dan membuat pembelian bernilai RM1.17 trilion dari AS, yang dilihat sebagai usaha untuk mendapatkan pengurangan tarif import daripada 25 kepada 19 peratus.

Naib Pengurus Jawatankuasa Persiapan dan Pemantauan Pilihan Raya negeri, Chan Woo Jin berkata, jumlah pelaburan yang begitu besar itu menimbulkan tanda tanya, apakah lagi ketika negara sedang berdepan hutang mencapai RM1.3 trillion.

Tengku Zafrul menambah, sudah tentu rakan sejawatnya dari AS ada mempersoalkan bahawa Malaysia tidak mengumumkan sesuatu yang baharu pun untuk mereka.

"Saya berkata tidak, jika objektifnya adalah untuk mengurangkan deficit perdagangan, bukankah semua ini mengurangkan deficit perdagangan anda? Defisit perdagangan kami empat tahun lalu ialah AS\$40 billion, ia kini AS\$25 billion.

"Ia sedang turun. Jadi dalam rundingan, kita mestilah faham apa yang pihak lain mahukan dan kita juga mestilah memahami apa yang dibimbangkan oleh pihak yang satu lagi," jelasnya.